



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
MINGGU EPIDEMIOLOGI 44 (30 OKTOBER – 5 NOVEMBER 2022)

Pada Minggu Epidemiologi ke-44 tahun 2022, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 1,693 berbanding 1,460 kes pada minggu sebelumnya, iaitu peningkatan sebanyak 233 kes (16.0%). Sebanyak dua (2) kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-44 tahun 2022.

Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga kini adalah sebanyak 51,262 kes berbanding 22,101 kes bagi tempoh sama tahun 2021 iaitu peningkatan sebanyak 29,161 kes (131.9%), Manakala sebanyak 35 kematian akibat komplikasi denggi dilaporkan berbanding 17 kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2021, iaitu peningkatan sebanyak 18 kematian. **(Lampiran A & C).**

Sebanyak 50 lokaliti hotspot dilaporkan pada minggu ini berbanding 56 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya dengan 31 lokaliti hotspot berada di Negeri Selangor, 14 lokaliti hotspot di Sabah, empat (4) lokaliti hotspot di WPKL & Putrajaya dan satu (1) lokaliti hotspot di Melaka. **(Lampiran B & D).**


Survelan chikungunya merekodkan sebanyak 12 kes pada minggu ke-44 dengan enam (6) kes dari Pulau Pinang, lima (5) kes dari Selangor dan satu (1)

kes dari Negeri Sembilan. Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah 682 kes (**Lampiran E**). Bagi surveilans zika, sebanyak 1,739 sampel darah dan 16 sampel urin telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Banjir kilat yang melanda beberapa buah negeri termasuk di kawasan Lembah Klang baru-baru ini menyebabkan banyak sampah sarap serta bekas-bekas hanyut dan terdampar di persekitaran. Bekas-bekas yang menakung air ini sangat berpotensi untuk menjadi tempat nyamuk Aedes membiak dan menyebabkan wabak denggi. Oleh itu, penduduk di kawasan kejiranan bersama pihak berkuasa tempatan (PBT) setempat perlu segera melupuskan bekas-bekas ini di persekitaran sejurus setelah banjir surut. Bagi kawasan lopak air atau bekas takungan air yang sukar dilupuskan, bubuh bahan pembunuh jentik-jentik bagi membunuh jentik-jentik yang berada di dalam lopak air atau takungan tersebut.

Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.


TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
10 November 2022




Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam denggi minggu ke-43 dan ke-44 tahun 2022



Gambarajah 2: Perbandingan kes dan kematian demam denggi sehingga minggu ke-44 tahun 2022 dan tempoh sama tahun 2021




Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan demam denggi malaysia tahun 2022, 2021 dan median 2017-2021




Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot denggi minggu ke-44 tahun 2022

BILANGAN KES DENGGI PADA MINGGU 44/2022
(30 Oktober hingga 5 November 2022)


Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian Denggi dilaporkan				Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 44/2022		Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 44/2021	
		Minggu 44 (30 Oktober – 5 November 2022)		Minggu 43 (23 Oktober – 29 Oktober 2022)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	11	0	5	1	74	1	20	0
2	Kedah	61	0	31	0	1,118	2	449	1
3	P. Pinang	61	0	46	0	882	0	338	0
4	Perak	26	1	29	0	992	1	491	1
5	Selangor	860	0	718	0	30,266	7	13,178	0
6	WP KL & Putrajaya	200	0	162	0	5,198	5	2,698	0
7	N. Sembilan	50	0	49	0	1,570	2	522	1
8	Melaka	17	0	18	0	507	1	526	0
9	Johor	125	1	130	0	3,010	2	1,536	3
10	Pahang	24	0	19	0	741	1	379	2
11	Terengganu	7	0	2	0	197	0	36	0
12	Kelantan	38	0	34	0	911	4	186	0
13	Sarawak	7	0	15	0	554	1	332	0
14	Sabah	205	0	202	3	5,219	8	1,405	5
15	WP Labuan	1	0	0	0	23	0	5	0
	MALAYSIA	1,693	2	1,460	4	51,262	35	22,101	17




Selangor




WPKL & Putrajaya




Johor




Sabah




Kelantan




Perak




Pulau Pinang




Kedah




Negeri Sembilan




Melaka




Pahang




Sarawak



Terengganu



Perlis



Labuan

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 44/2022
(30 Oktober hingga 5 November 2022)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	Hulu Langat	Flat Sri Nilam Bandar Baru Ampang	27	124
2	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Bukit Kenangan	45	121
3	SABAH	Sandakan	Kampung Tinusa II (Laut)	52	95
4	SABAH	Sandakan	Taman Mawar Fasa 1	43	82
5	SABAH	Sandakan	Taman Mesra	29	80
6	SELANGOR	Hulu Selangor	Lokaliti 8 Bdr Baru Btg Kali	38	76
7	SELANGOR	Petaling	E11. Sri SS 6 Kompleks Kediaman Kastam	31	76
8	SABAH	Sandakan	Kampung Tinusa I	22	76
9	SABAH	Sandakan	Taman Tinosan Bt.4.5	15	68
10	SABAH	Sandakan	Kampung Lupak Meluas Laut	12	61
11	SELANGOR	Hulu Langat	TPS 2 Oakberry (Jalan TPS 2/3-2/8) Semenyih	8	60
12	SELANGOR	Petaling	E2. Seksyen 17 (Flat Jln 17/2 @ 17/24 @ 17/26 : Blok 1- 10)	20	59
13	SELANGOR	Petaling	E17. Tmn Universiti Indah 1 (Jln Indah 1/12 - 1/36)	16	58
14	WPKL&P	Lembah Pantai	Endah Ria Condo Fasa 2 (C & D)	8	57
15	SABAH	Sandakan	Kg Berhala Darat Zon A	13	57
16	SELANGOR	Petaling	E5. Seksyen U20 (Bukit Rahman Putra Teres F : Jln BRP 5/1 - BRP 5/8A)	16	55
17	SELANGOR	Petaling	E15. Bdr Bkt Puchong BP 3	10	54
18	MELAKA	Melaka Tengah	Taman Krubong Jaya Fasa 2 (Jln KJ 54 - 60)	14	54
19	SELANGOR	Petaling	E6. BI PJU 8 Apt Flora Damansara 2 [C, D, E, F]	17	53
20	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Jasmin 7-9 Taman Jasmin	9	51
21	SELANGOR	Petaling	E3. Seksyen 27 (Teres F - Jln 27/71 - 27/80)	9	49

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
22	SELANGOR	Klang	Bandar Puteri 07	15	49
23	WPKL&P	Kepong	Kuarters Kerajaan Jalan Duta (G, H, J, K)	17	47
24	SELANGOR	Petaling	E17. Tmn Bkt Serdang 8 (Pangsapuri Bayu)	11	47
25	WPKL&P	Titiwangsa	Pangsapuri ATM	14	45
26	SELANGOR	Petaling	E11. Sri PJS 6 Flat Desa Mentari 2 (Blok 4 , 5 , 6)	7	45
27	SABAH	Sandakan	Flat Taman Mawar	16	45
28	SELANGOR	Petaling	E16. Tmn Puncak Jalil 8 (Pangsapuri Mayang)	8	44
29	SABAH	Kota Kinabalu	Indah Permai	28	44
30	SABAH	Sandakan	Bandar Ramai-Ramai	9	43
31	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Pahlawan Taman Tun Perak	13	41
32	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan KP 7-10 Taman Kajang Perdana	7	41
33	SELANGOR	Petaling	E9. Kt SS 1(Teres 2)[SS 1/22, 24, 24A-B, 25, 27, 29, 31, 33, 35, 37, 39, 39A, 41, 41A, 43, 43A]	8	41
34	SELANGOR	Petaling	E6. BI PJU 9 Sd 13 Apt Sri Meranti (2) [H, J, K, L, M, N, P, Q, R]	14	41
35	SELANGOR	Petaling	E1. Seksyen 9 (Kondo Sri Mahligai & Townhouse Sri Mahligai)	18	41
36	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Desa Surada	7	40
37	SABAH	Sandakan	Kampung Sundang Darat	12	40
38	SELANGOR	Petaling	E16. Tmn Lestari Perdana (Desa Minium Rimba)	11	39
39	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Lama Taman Mulia Jaya	7	38
40	SABAH	Kota Kinabalu	Kg. Sembulan Lama	11	38
41	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Impian Murni 2&3 Saujana Impian	5	37
42	WPKL&P	Titiwangsa	Desa Pasifik Ampang (Blok C,F,G)	11	35
43	SABAH	Kudat	Pengaraban Luar	17	35
44	SABAH	Kota Kinabalu	Kg.Pisang Inanam Laut	14	33
45	SELANGOR	Petaling	E5. Seksyen U5 (Pangsapuri Orkid : Blok 7 - 12)	8	33

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
46	SELANGOR	Klang	Taman Pendamar Indah 1 (05)	5	33
47	SELANGOR	Hulu Langat	Blok Polis Taman Desa Baiduri	16	33
48	SELANGOR	Klang	Taman Sentosa 26	8	33
49	SELANGOR	Petaling	E2. Seksyen 17 (Teres C : Jln 17/25 - 17/30)	5	32
50	SELANGOR	Petaling	E17. Tmn Bkt Serdang 10 (Vista Impiana)	4	31

**KES MINGGUAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA MINGGU 44/2022
(DARI 30 OKTOBER HINGGA 5 NOVEMBER 2022)**

Bil.	Negeri	Jumlah Kes Chikungunya ME 44/2022	Jumlah Kes Chikungunya ME 44/2021	Kumulatif Kes Chikungunya Tahun 2022 Sehingga ME 44/2022	Kumulatif Kes Chikungunya Tahun 2021 Sehingga ME 44/2021	Kumulatif Kes Chikungunya Bagi Tahun 2021
1	Perlis	0	0	0	3	3
2	Kedah	0	1	34	125	140
3	P. Pinang	6	0	33	63	77
4	Perak	0	0	10	180	180
5	Selangor	5	11	225	261	339
6	WP KL & Putrajaya	0	9	253	414	490
7	N. Sembilan	1	3	74	11	22
8	Melaka	0	0	7	27	29
9	Johor	0	0	4	96	97
10	Pahang	0	0	2	0	0
11	Terengganu	0	0	0	0	0
12	Kelantan	0	3	39	41	55
13	Sarawak	0	0	1	0	0
14	Sabah	0	0	0	0	0
15	WP Labuan	0	0	0	0	0
	MALAYSIA	12	27	682	1,221	1,432